

## Strategi Metakognitif dalam Kemahiran Membaca Pelajar Tingkatan Enam Sekolah Menengah

*Ruzanita Sarman, Azhar Md. Sabil, Shamsudin Othman*

### Kata Kunci:

**Kata Kunci: Strategi Metakognitif, Kemahiran Membaca, Sebelum Membaca, Semasa Membaca Selepas Membaca**



### Abstrak:

Membaca merupakan satu proses yang aktif melibatkan pemahaman isi kandungan teks yang dibaca. Aspek pemahaman perlu dikuasai oleh murid bagi memperoleh ilmu pengetahuan dan kunci kejayaan seseorang individu. Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji proses membaca menggunakan strategi metakognitif. Terdapat tiga fasa kemahiran membaca, iaitu sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca. Strategi metakognitif penting untuk proses pembelajaran yang melibatkan aktiviti kognitif. Kognitif ialah proses minda yang mempengaruhi tingkah laku setiap individu dan kelancaran pemahaman membaca. Hal yang demikian, perlunya strategi yang bersesuaian untuk melihat kebolehan murid dalam memahami teks karangan. Tumpuan perbincangan kajian ini adalah tertumpu pada persoalan berkaitan cara murid menguasai kemahiran membaca teks menggunakan strategi metakognitif. Kajian kes kualitatif ini melibatkan lapan peserta kajian yang terdiri daripada murid tingkatan empat. Tiga teknik pengumpulan data, iaitu temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen telah digunakan bagi menganalisis data. Dapatan kajian mendapati bahawa murid menggunakan strategi yang berbeza untuk memahami teks karangan. Murid juga mengetahui dengan menggunakan strategi metakognitif dapat membantu memahami pembelajaran kemahiran membaca.

### Keywords:

**Keywords: Metacognitive Strategies, Reading Skills, Planning, Monitoring, Evaluation**

### Abstract:

Reading is an active process that involves understanding of a written text. Reading comprehension is important for students in acquiring knowledge and success. This study was conducted to investigate the process of reading using metacognitive strategies. There are three reading phases, namely pre-reading, while-reading and post-reading. From the review of the literature, the use of metacognitive strategies is crucial in the learning process involving cognitive activities. Cognitive includes a mental process that influences individual behavior and one's reading comprehension. This leads to the need for a suitable strategy to identify students' ability in understanding a text. This paper focuses on how students learn the skills of reading using metacognitive strategies. The qualitative study involved eight participants who were Form Four students. Three data collection techniques were used namely, semi-structured interview, observation and document analysis. The findings revealed that the students used different strategies to comprehend a reading text. The students were also aware that using metacognitive reading strategies could enhance their reading skills.